

PERANAN IBU BAPA MEMBANTU GURU MELAKSANAKAN

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR)



Pendidikan adalah perkara yang sangat penting dan menjadi tonggak kemajuan sesebuah negara. Namun kewujudan pandemik Covid-19 telah mewujudkan titik perubahan kepada semua sektor kehidupan termasuklah pendidikan. Ancaman yang dibawa oleh pandemik ini menjadikan semua anggota masyarakat perlu bersedia dari segi mental dan fizikal untuk melakukan perubahan gaya hidup lama kepada norma baharu. Ini termasuklah pelaksanaan kaedah pembelajaran dalam talian (e-learning) atau dikenali sebagai Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Islam Persendirian yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam Selangor melalui Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Definisi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)

PdPR adalah modul yang dibangunkan sebagai alternatif untuk membantu murid dan pihak sekolah dalam sesi pengajaran norma baharu. PdPR ialah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah, pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan secara dalam talian, luar talian atau off-site dengan berstruktur dan terancang. Sesi pembelajaran secara norma baharu dilihat sebagai satu pendekatan secara holistik bagi kelangsungan Sistem Pendidikan Negara.

Kaedah PdPR



PdPR secara dalam talian berlaku apabila terdapat capaian internet dan penggunaan peranti yang membolehkan murid belajar secara real time. Guru boleh melaksanakan PdPR melalui:

1. Cikooutube, EduWebTV dan aplikasi media sosial;
2. Aplikasi seperti Google Meet atau Microsoft Teams secara litar langsung (live streaming); atau
3. e-Permainan (gamification), video, klip audio, e-Buku, rakaman atau tugasan dalam talian.

Peranan ibu bapa di dalam PdPR

Kebekesanan pelaksanaan PdPR adalah bersifat kolektif dan memerlukan kerjasama semua pihak iaitu guru, ibu bapa dan murid. Peranan penting oleh ibu bapa dalam mendampingi apa jua Cabaran bagi memastikan sesi pembelajaran dihidangi oleh anak-anak akan menghasilkan impak positif terhadap pencapaian akademik, sosial dan akhlak mereka. Antara peranan ibu bapa dalam usaha untuk membantu guru menjayakan PdPR ialah :


1 Memastikan sesi PdPR berjalan lancar dengan penguasaan teknologi dan peranti.

Memastikan sesi PdPR berjalan lancar dengan penguasaan teknologi dan peranti. Revolusi Perindustrian 4.0 adalah tonjakan kepada teknologi pada masa kini. Pembangunan aplikasi secara maya ini

dilihat semakin meluas selari dengan perkembangan teknologi yang berkembang pesat meliputi kesemua bidang termasuk pendidikan. Penguasaan ibu bapa terhadap penguasaan teknologi dan peranti secara optimum akan dapat memberi impak positif terhadap kelangsungan sesi pembelajaran murid.

Melalui satu Kaji Selidik Pembelajaran Dalam Talian (Online Learning) Murid Sekolah Agama Negeri JAIS yang telah dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Islam JAIS kepada murid-murid di Sekolah Agama Negeri mendapati aplikasi yang tertinggi penggunaannya untuk PdPR ialah aplikasi WhatsApp dan Telegram (91.4%). Ini kerana kedua-dua aplikasi ini lebih mudah untuk dikenali dan serta mesra pengguna. Melalui aplikasi tersebut, ibu bapa, murid serta guru lebih mudah berkomunikasi tanpa ada sempadan masa dan tempat.

PENGUNAAN APLIKASI DALAM PDPR




2 Memastikan kepatuhan murid-murid menghidangi sesi PdPR.

Kaedah pelaksanaan sesi PdPR di negara ini pada kebanyakannya lebih cenderung kepada kaedah bersempua di antara guru dan murid. Budaya yang diterapkan setelah sekian lama ini turut memberi cabaran kepada ibu bapa dan murid untuk menyesuaikan pembelajaran mengikut norma baharu. Ibu bapa yang proaktif dalam memantau penguasaan anak-anak akan mengambil berat tentang penlibatan mereka di dalam kelas PdPR. Hal ini akan dapat mengelakkan kecaciran murid dalam proses pembelajaran dan seterusnya membantu guru mencapai objektif pembelajaran bagi setiap topik yang diajar.

Berdasarkan dapatan kaji selidik, seramai 85.1% orang murid menjawab 'Ya' tentang pembahagian masa belajar dan aktiviti harian. Ini menunjukkan salah satu inisiatif ibu bapa dalam menjadualkan aktiviti harian anak-anak mereka dengan memperuntukkan masa belajar dan aktiviti

PEMBAHAGIAN MASA PELAJAR (BELAJAR & AKTIVITI HARIAN)



yang lain. Kesan positif daripada penguasaan masa yang baik ini ialah ianya dapat membantu guru mendapatkan komitmen murid untuk menghadiri kelas, menyelesaikan latihan yang diberikan, melaksanakan ulangan bersama antara ibu bapa dan murid serta pelbagai aktiviti bermanfaat yang lain.

3 Memperkuatkan konsep 'Keluarga Content' di dalam membentuk keperibadian dan karakter kepada anak-anak.

Pengaruhan rakan sekelas sangat mempengaruhi keperibadian serta akhlak murid. Ibu bapa perlu merubut peluang sepanjang sesi pembelajaran di rumah ini berlangsung, dengan menjadikan diri mereka sebagai contoh ikutan (uswatun hasanah) kepada anak-anak. Jika di sekolah anak-anak mereka mempelajari mata pelajaran seperti tilawah, sirah, akhlak serta bahasa, ibu bapa boleh merancangkan aktiviti seharian anak-anak bagi penghayatan setiap ilmu yang dipelajari dengan cara mengaplikasikan ilmu dalam jiwa setiap ahli keluarga seperti melaksanakan solat berjamaah, membaca sunnah Rasulullah S.A.W dan sebagainya. Pelbagai metodologi pendidikan dapat diaplikasikan bagi membentuk karakter dan pembentukan keperibadian anak-anak sepanjang pembelajaran di rumah ini dilaksanakan. Melalui aktiviti yang diterapkan ini sekaligus dapat menjadi pemudah cara kepada guru semasa sesi PdPR kerana murid telah memahami dan menghargai setiap topik yang diajar.

4 Membantu pihak sekolah menambah baik sistem pelaksanaan PdPR melalui sumbangan saran dan cadangan penambahbaikan.

Bagi mengelakkan berlaku generasi keciciran (lost generation) dalam kalangan murid, Bahagian Pendidikan Islam JAIS sentiasa mengelakkan ibu bapa untuk memaklumkan berkenaan sebarang kekhawatiran yang timbul atau cadangan penambahbaikan pelaksanaan PdPR kepada pihak sekolah. Cabaran yang wujud seperti ketiadaan peranti atau masalah capaian internet perlu dimaklumkan segera kepada pihak sekolah bagi mengelakkan berlaku keciciran dalam kalangan murid. Ibu bapa perlu bersifat terbuka dalam menyifatkan maklumat serta bekerjasama dengan pihak sekolah, jika terdapat kekhawatiran yang tidak dapat dielakkan, Bahagian Pendidikan Islam JAIS sentiasa membantu dan membimbing pihak sekolah menyediakan pelbagai kaedah PdPR agar semua murid dapat mengikuti pendidikan mengikut kesesuaian dan kemampuan masing-masing.

Kolaborasi di antara ibu bapa dan guru sangat penting di dalam menjayakan PdPR, supaya ia bersifat aktif dan berkesan. Hasil kerjasama dua hala ini dapat menyumbang kepada perkembangan yang positif dan dalam masa yang sama membolehkan murid meningkatkan prestasi akademik, sosial dan pembentukan akhlak. Penorkenan dan penguasaan terhadap teknologi dan aplikasi terkini juga perlu disegerakan supaya sistem pendidikan dapat bergilir seiring dengan perkembangan teknologi semasa.